

Hong Kong SMART Visit tambah ilmu mahasiswa

KUANTAN 11 orang mahasiswa dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam Universiti Malaysia Pahang (UMP) terpilih mengikuti program Hong Kong SMART Visit 2007 yang berlangsung di sana, pada 1 hingga 8 Ogos lepas. Hong Kong atau juga dikenali sebagai Hong Kong Multiculture Structural, Integration, and Transportation Research, adalah cetusan idea daripada sekelompok pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam yang memilih salah sebuah negara yang ingin dilawati kerana kehebatan struktur bangunan dan pengendalian cerun bukit yang berteknologi tinggi.

Menurut pengarah projek, Ikhwan Fariz Mazri, mahasiswa yang terlibat berpeluang mempelajari teknologi terkini, terutama dalam sistem pengangkutan aspek struktur dan kebudayaan.

Katanya, aspek berkenaan yang merupakan perkara penting dalam menambah pengetahuan mereka, sesuai dengan pe ngkhususan yang dipelajari iaitu berjuruteraan awam.

"Program hasil kerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni ini disertai oleh mahasiswa dari tahun dua dan tiga, terdiri daripada lima orang perempuan dan enam orang lelaki. Dua pensyarah FKASA bertindak sebagai pegawai pengiring iaitu Norasman Othman dan Noram Irwan Ramli.

"Peserta yang terpilih telah melalui proses temuduga oleh pegawai pengiring dan majlis tertinggi Hong Kong SMART Visit 2007 serta mempunyai latar belakang kepimpinan yang mantap," katanya. Ikhwan Fariz turut memberitahu, teknologi penstrukturan bandar Hong Kong yang canggih telah menarik minat mereka mengikuti lawatan tersebut.

"Antaranya tempat yang dilawati ialah Tsing



Delegasi bergambar kenangan di Jambatan Tsing Ma dalam lawatan lapan hari ke Hong Kong.

Ma Bridge yang merupakan penghubung antara dua buah pulau di Hong Kong dan yang ketiga terpanjang di Asia.

"Dari segi strukturnya, jambatan ini mampu melentur dan sesuai dengan keadaan negara berkenaan yang sering dilanda taufan tanpa mengalami sebarang kegagalan struktur.

Hong Kong merupakan sebuah negara yang amat menitikberatkan tentang pengurusan tanah runtuh memandangkan bentuk muka buminya yang berbukit-bukau

dan mempunyai keluasan yang kecil," katanya.

Selain itu, delegasi yang terlibat dapat memahami cara hidup dan budaya masyarakat Hong Kong melalui lawatan ke Perkampungan Budaya di Ngong Ping.

Menurutnya, satu dialog bersama mahasiswa Universiti Hong Kong (HKU) dan Universiti Sains dan Teknologi Hong Kong (HKUST) juga diadakan untuk meningkatkan serta menggalakkan integrasi idea serta informasi tentang kejuruteraan awam.